


LAPORAN 2024

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA



INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA





L A P O R A N

2024

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara ©2024 Institut Masa Depan Malaysia (PPAB-03/2019).

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Institut Masa Depan Malaysia.

ISI

KANDUNGAN

Sekapur Sirih

- Prakata Pengerusi MASA 1
- Tinta Ketua Pegawai Eksekutif 3

Sekilas Pandang

- Tentang MASA 7
- Organisasi MASA 9

Bahagian Perkhidmatan Korporat

- Pengenalan 17

Bahagian Dasar & Penyelidikan

- Pengenalan 19
- Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 21
- Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat 30
- Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa 31
- Penulisan Ilmiah 32
- Pembentangan 35

Bahagian Komunikasi Strategik & Pengurusan

- Pengenalan 37
- PEMACU 38
- Menjaring Hubungan 62
- Memorandum Persefahaman 63
- Kunjungan Hormat 65
- Jelajah Advokasi MASA 67
- MASA Dalam Media 71
- MASA Dalam Media Sosial 89

SEKAPUR SIRIH

- 1** >> Prakata Pengerusi MASA
- 3** >> Tinta Ketua Pegawai Eksekutif



PRAKATA

PENGERUSI MASA

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarokatuh dan salam sejahtera.

Tahun 2024 menyaksikan persekitaran global dan domestik yang terus berkembang dengan pantas. Ketidaktentuan ekonomi dunia, impak perubahan iklim, serta kemunculan teknologi disruptif menuntut adaptasi dasar dan pendekatan yang lebih tangkas serta inklusif.

Sejak penubuhannya, MASA telah memainkan peranan strategik sebagai sebuah badan pemikir dalam menyediakan analisis dasar yang berpaksikan data, memperkukuh dialog pelbagai pihak berkepentingan, serta menyumbang kepada pembangunan idea-idea segar yang berpandangan jauh.

Saya bangga melihat kejayaan MASA menganjurkan program berimpak tinggi seperti 'Sidang Meja Bulat Bersama Pakar Ekonomi Mengenai Isu Rasionalisasi', yang saya berkesempatan menghadirinya.

Saya percaya, program-program ilmiah anjuran MASA adalah penting untuk mengangkat suara rakyat ke dalam kerangka perancangan dasar negara.

Saya juga dimaklumkan mengenai kejayaan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 2.0. Beberapa siri libat urus dengan pihak berkepentingan seperti kementerian dan agensi kerajaan telah dilaksanakan bagi membincangkan dapatan dan ringkasan dasar hasil kajian MPDP 2.0, sekaligus mencerminkan kewibawaan MASA sebagai sebuah institusi pemikir dan penyelidikan.

Selain itu, saya turut difahamkan bahawa pelaksanaan Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat dan Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa diteruskan untuk tahun ini. Dapatan daripada kajian-kajian ini boleh menjadi asas kepada perancangan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policymaking*), sekaligus membantu negara menggubal tindakan yang lebih efektif dan responsif.

Melihat kepada pencapaian MASA sepanjang tahun 2024, syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh Ahli Lembaga Pemegang Amanah, barisan pengurusan, serta seluruh warga MASA yang sentiasa menunjukkan komitmen tinggi dan dedikasi tanpa berbelah bahagi dalam memastikan kejayaan MASA.

Dengan komitmen padu seluruh warga MASA serta budaya kerja berteraskan kecemerlangan dan integriti, saya yakin dan percaya bahawa MASA akan terus melakar lebih banyak kejayaan pada masa hadapan, insya-Allah.

**YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN
HAJI MOHD YASSIN**
Pengasas dan Pengerusi MASA



TINTA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Institut Masa Depan Malaysia (MASA) diberi peluang untuk menerbitkan Laporan 2024 sebagai dokumentasi menyeluruh terhadap segala pencapaian, inisiatif, serta cabaran yang telah diharungi oleh MASA sepanjang tahun yang penuh dengan dinamika dan perubahan ini.

Tahun 2024 merupakan satu lagi lembaran penting dalam perjalanan MASA melakar pencapaian yang signifikan, sekaligus mengukuhkan kedudukan organisasi ini sebagai antara peneraju dalam bidang penyelidikan dasar dan hala tuju pembangunan negara. MASA sepanjang tahun ini telah merangka dan melaksana pelbagai inisiatif berimpak tinggi, selaras dengan prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 atau WKB2030 yang didukung oleh MASA.

Antara pencapaian utama MASA pada tahun 2024 ialah pelaksanaan tiga kajian

unggulan (*flagship research*) iaitu Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 2.0, Dinamika Persepsi Masyarakat dan Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa. Dapatan kajian ini bukan sahaja diterbitkan dalam bentuk penulisan ilmiah, malah turut dibentangkan kepada kementerian atau agensi untuk dijadikan input dalam proses pengubalan dasar.

MASA juga terus komited menyumbang buah fikiran sebagai sebuah institusi pemikir. Dalam hal ini, penganalisis penyelidikan dan felo-felo kami telah memainkan peranan penting dalam wacana pembangunan negara melalui kemunculan dalam saluran berita arus perdana dan media massa terkemuka.

Pada tahun ini juga, tiga memorandum persefahaman telah ditandatangani bersama Universiti Malaya, Universiti Malaysia Kelantan dan Institut Kajian Pembangunan (Sabah), selaras dengan tekad MASA untuk memperluas capaian intelektual dan berperanan aktif dalam mencorak hala tuju pembangunan negara melalui kolaborasi strategik.

Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi MASA yang amat kami hormati, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, atas kepimpinan dan sokongan berterusan beliau bersama ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA dalam memperkukuh peranan strategik MASA sebagai sebuah badan pemikir.

Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan MASA, pihak-pihak berkepentingan dan seluruh warga kerja MASA yang sentiasa berdiri teguh menjunjung misi dan visi institusi ini.

Adalah menjadi iltizam kami untuk terus memperkaya keupayaan penyelidikan kami dalam usaha membina masa depan Malaysia yang lebih makmur, inklusif dan lestari, berpandukan prinsip WKB2030, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

AZRIL MOHD AMIN
Ketua Pegawai Eksekutif MASA





SEKILAS PANDANG

- 7 >> Tentang MASA
- 9 >> Organisasi MASA





TENTANG MASA

Pengenalan

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin.

MASA merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang

dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Penubuhan MASA ditunjangi atas dasar membantu kerajaan membangunkan dan memperkasakan hala tuju negara terutama dalam memperkukuhkan dasar dan polisi yang sedang dan bakal direncanakan oleh kerajaan Malaysia, termasuklah kajian-kajian sosiobudaya dan sosioekonomi serantau dipandu oleh nilai kemakmuran bersama. Kajian-kajian ini tertumpu dalam pembentukan dan pembangunan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).





TENTANG MASA

Objektif

1

Memantau & Menganalisis

Memantau dan menganalisis situasi dan data ekonomi, perniagaan, industri dan indikator sosial untuk Malaysia, khususnya Bumiputera serta keberkesanan penghasilan institusi dan polisi.

2

Menasihati & Memudah Cara

Menasihati dan memudah cara langkah penyelesaian, inisiatif dan polisi berkait perkara-perkara ekonomi dan sosial untuk pihak-pihak berkepentingan termasuk Bumiputera serta bekerjasama dengan kepimpinan organisasi di peringkat antarabangsa, serantau dan nasional.

3

Menggembleng & Menggerakkan

Menggembleng dan menggerakkan segala sumber, upaya, jaringan dan inisiatif bagi menjayakan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) bagi menambah baik status Malaysia di peringkat antarabangsa.

Wawasan

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

Matlamat

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangun dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.



ORGANISASI MASA

Pengasas dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah



YB Tan Sri Dato' Haji
Muhyiddin Haji Mohd Yassin

Pengasas dan Pengerusi



YABhg. Tun Dr. Mahathir
Mohamad

Pengasas

Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) MASA telah diamanahkan untuk memastikan setiap objektif penubuhan terlaksana, termasuklah menjayakan aktiviti-aktiviti MASA secara lestari dan berterusan.

Pada tahun 2024, LPA MASA telah meluluskan penyambungan kontrak perkhidmatan bagi YBhg. Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin (bermula 28 Disember 2024 sehingga 27 Disember 2027) dan YBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad (bermula 28 Disember 2024 sehingga 27 Disember 2027).

YBrs. Mohd Hashrizal Zainol Haris pula menamatkan perkhidmatan beliau sebagai ahli LPA. MASA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan cemerlang YBrs. Mohd Hashrizal Zainol Haris sebagai ahli LPA MASA bermula 20 November 2023 sehingga 1 Julai 2024.



YB Datuk Dr. Mohd. Radzi
Md. Jidin

Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Datuk Seri Haji Mohd Nardin
Haji Awang

Ahli Lembaga Pemegang Amanah



Datuk Dr. Marzuki
Mohamad

Ahli Lembaga Pemegang Amanah



ORGANISASI MASA

Program Felo

INSTITUT MASA DEPAN MALA



Program Felo telah diperkenalkan pada Mac 2021 selepas mendapat persetujuan daripada pihak ahli LPA MASA.

Program ini bertujuan untuk membolehkan para penyelidik MASA mendapatkan khidmat nasihat secara langsung dalam bidang penyelidikan masing-masing melalui siri wacana, perbincangan kumpulan berfokus (FGD), bengkel atau penyediaan modul.

Felo MASA juga berfungsi bagi mewakili MASA apabila diperlukan, pada mesyuarat/persidangan luar, menyumbang penerbitan/pembentangan dalam bentuk artikel akhbar, kertas/ringkasan dasar,

taklimat dasar, ruangan komen, kertas pendapat, video, podcast, dan lain-lain, menjadi penceramah/panelis dalam webinar atau menyediakan modul latihan/bengkel.

Program Felo MASA 2024/2026 telah diteruskan dengan tiga kategori sedia ada, iaitu Felo Kehormat, Ahli Bersekutu dan Felo MASA.

Kini, Program Felo MASA terdiri daripada sembilan Felo Kehormat, lapan Felo dan 16 Ahli Bersekutu merangkumi pelbagai bidang kepakaran. YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid telah dilantik sebagai Felo berkuat kuasa 1 Mei 2024 bagi tempoh dua tahun.



ORGANISASI MASA

Felo Kehormat



**YB Senator Prof.
Datuk Seri Dr. Awang
Sariyan**



**Profesor Ulung Dato'
Dr. Rajah Rasiah**



**Profesor Emeritus Tan
Sri Dato' Dzulkifli
Abdul Razak**



**Profesor Emeritus
Datuk Dr. Teo Kok
Seong**



**Profesor Emeritus
Datuk Dr. Azizan
Baharuddin**



**Profesor Kehormat
(UNIMAS) Dato' Dr.
Madeline Berma**



**Profesor Madya Dr.
Mohamed Azam
Mohamed Adil**



**Dato' Sri Dr. Mohd Uzir
Mahidin**



**Datuk Dr. Habibah
Abdul Rahim**



ORGANISASI MASA

Felo



**Professor Emeritus Dr.
Nik Meriam Nik
Sulaiman**



**Profesor Dr. Wan
Ahmad Amir Zal Wan
Ismail**



**Datuk Ts. Dr. Ramzah
Dambul**



**Profesor Madya Ts. Dr.
Jessica Ong Hai Liaw**



**Profesor Madya Dr.
Firdausi Suffian**



**Dr. Shankaran
Nambiar**



**Dr. Khalid Abdul
Hamid**



Tpr. Norliza Hashim



ORGANISASI MASA

Ahli Bersekutu



**Profesor Madya
Dr. Zeeda
Fatimah
Mohamed**



**Profesor Madya
Dr. Ng Boon
Kwee**



**Profesor Madya
Dr. Kumara
Thevan
Krishnan**



**Profesor Madya
Dr. Sara
Chinnasamy**



**Profesor Madya
Dr. Bity Salwana
Alias**



Ibrahim Suffian



**Mohd Izzat Afifi
Abdul Hamid**



**Nur Fitri Amir
Muhammad**



**Erhanfadli Mohd
Azrai**



**Mohd Ismail
Adnan**



**Affan
Nasaruddin**



**Roshan Nigel
Miranda**



**Sharifah
Norizah Syed
Ahamad Kabeer**



Rachael Francis



**Elisa Shafiqah
Shahrilnizam**



**Siti Aishah
Hassan Hasri**



ORGANISASI MASA

Ahli Kami



Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Perkhidmatan Korporat

- 01 **AZRIL MOHD AMIN**
Ketua Pegawai Eksekutif
- 02 **MOHAMED AZMI MOHD RASHEED KHAN**
Ketua Bahagian
- 03 **MUHAMMAD FIKRI FARUDIN**
Eksekutif
- 04 **MOHD ARIF KAMARUDDIN**
Kakitangan Sokongan
- 05 **ZAINAL IZZUDDIN ZAINAL RAHIM**
Kakitangan Sokongan

Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan

- 06 **MARHAINI KAMARUDDIN**
Ketua Bahagian
- 07 **ROZAMAN ISMAIL**
Pengurus Kanan
- 08 **LILI FARIZA ARIFFIN**
Pengurus
- 09 **MUHAMMAD FADZIL ANIF**
Eksekutif
- 10 **LIWANI CHE LONG**
Eksekutif (Sementara)

Bahagian Dasar dan Penyelidikan

- 11 **SIM WHY JEAN**
Penganalisis Penyelidikan
- 12 **MUHAMMAD AINUL HAKIM NORAZMI**
Penganalisis Penyelidikan (Sementara)
- 13 **NUR ZALIKHAA' ZAINAL ABIDIN**
Penganalisis Penyelidikan (Sementara)



ORGANISASI MASA

Ahli Kami*

Bahagian Perkhidmatan Korporat



NUR SYAZWANI SALIM
Eksekutif

Bahagian Dasar dan Penyelidikan



AZHAN HASAN
Penganalisis Penyelidikan Kanan



MOHD NOOR MUSA
Penganalisis Penyelidikan



KHAIRUL SYAKIRIN ZULKIFLI
Penganalisis Penyelidikan



MOHAMAD FAUZI AHMAD
Penganalisis Penyelidikan



AHMAD REDZUAN MOHAMED SHAFI
Penganalisis Penyelidikan



MUHAMMAD NUR ANAS ROSLI
Penganalisis Penyelidikan



MARYAM ZULKAFLY
Penganalisis Penyelidikan

Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan



HAMIDAH ATAN
Pengurus Kanan



MOHD IKHMAL ABU BAKAR
Pengurus



MOHD FAHIM MOHD FARID
Pengurus



MOHD SYAFIQ FIRDAUS MOHD SAYUTI
Pengurus



MOHD FARID DOLAH
Penolong Pengurus



MOHAMAD AISHAM MANAP
Penolong Pengurus



NIK AMIN NIK HUSIDEEN
Eksekutif



INTAN SYAFINAZ AMLI
Eksekutif



MUHAMMAD AKMAL HAMDAN
Eksekutif (Sementara)

* *Tiada Dalam Gambar*

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT

17 >> Pengenalan



BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT

Pengenalan

Bahagian Perkhidmatan Korporat (BPK) melaksanakan pelbagai peranan dalam memberikan khidmat sokongan kepada urusan harian organisasi. Ini termasuk pengendalian pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dengan mengurus komunikasi dan penjadualan bagi memastikan pejabat CEO beroperasi dengan cekap.

Bahagian ini turut mengawasi Pentadbiran MASA berkaitan operasi harian, pengurusan logistik, bekalan pejabat, dan memupuk persekitaran kerja yang kondusif. BPK juga dipertanggungjawab untuk mengurus ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) dengan memudahkan komunikasi yang berkesan, mengatur mesyuarat, dan memastikan LPA dimaklumkan dengan segala urusan Sekretariat MASA.

BPK menguruskan kewangan MASA menerusi penyusunan bajet, perancangan


kewangan, dan pelaporan berkala kepada pemegang taruh mengikut keperluan. Tanggungjawab ini merangkumi pengurusan gaji, pembayaran dan memastikan pematuhan kepada peraturan dan had kewangan.

BPK memainkan peranan berkaitan sumber manusia dalam pengurusan bakat, mengawasi pengambilan pekerja, *onboarding*, dan hubungan pekerja. Pengurusan sumber manusia ini juga melibatkan pengurusan faedah, pampasan, dan pematuhan akan undang-undang buruh yang menyumbang kepada budaya organisasi yang positif. Selain itu, pihak BPK juga memainkan peranan dengan menyediakan medium bagi memudahkan urusan yang melibatkan simpanan pekerja seperti caruman Tabung Haji melalui potongan gaji bulanan dan caruman tambahan bahagian pekerja melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

- 19** >> Pengenalan
- 21** >> Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP)Menjaring
- 30** >> Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat
- 31** >> Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa
- 32** >> Penulisan Ilmiah
- 35** >> Pembentangan





BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Pengenalan



Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP) berfungsi menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu sosioekonomi semasa yang melingkari segenap kehidupan rakyat serta memainkan peranan aktif sebagai satu badan pemikir bebas yang mengendalikan penyelidikan serta perundingan dengan berpaksikan kepada nilai kemakmuran bersama yang digariskan dalam dokumen WKB2030.

Justeru, BDP sentiasa bertekad untuk mempelopori bidang-bidang penyelidikan yang berstrategi serta berimpak tinggi bersama institusi atau agensi di dalam dan di luar negara yang boleh memberi manfaat

besar termasuk meneroka isu-isu masyarakat merentas bidang.

Selain itu juga, BDP menyokong hasrat untuk menjadikan MASA sebagai rujukan di peringkat tertinggi (*thought leader*) dalam kajian dasar, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan politik yang dipandu oleh WKB2030, khususnya dalam merealisasikan matlamat serta objektif Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) yang akan datang yang menjadi agenda pembangunan utama negara serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Tiga kluster penyelidikan iaitu ekonomi, sosial dan politik telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti penyelidikan yang digariskan seperti berikut sepanjang tahun 2024:



Dapatan daripada aktiviti dan projek penyelidikan telah dijadikan kertas polisi, laporan penyelidikan, makalah jurnal, serta penulisan di akhbar-akhbar tempatan yang merupakan sebahagian daripada aktiviti keserjanaan awam (*public scholarship*) MASA.

Melalui BDP, MASA turut berusaha untuk menjadi wadah intelektual yang menggabungkan kepakaran felo MASA, pakar bidang dan ahli akademik merentas bidang menerusi siri wacana awam, forum dan sesi libat urus bersama pemegang taruh.



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Program Pembangunan Dasar MASA

Program Pembangunan Dasar MASA atau *MASA Policy Development Programme* (MPDP) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan untuk mempromosi dan memacu penyelidikan dasar di Malaysia.

Program ini bertujuan menghasilkan kajian dan cadangan dasar yang berimpak tinggi dengan tumpuan kepada bidang kritikal seperti ekonomi, sosial, pendidikan, dan pembangunan lestari, selaras dengan pelan pembangunan negara seperti RMKe-12, WKB2030, dan SDG.

MPDP telah melalui dua fasa sebelum ini, iaitu MPDP 1.0 dan 2.0, yang telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan. Sebanyak 388 kertas cadangan telah diterima daripada lebih 30 Institusi Pengajian

Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di seluruh negara.

Melalui MPDP, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Antaranya ialah penganjuran siri libat urus yang melibatkan penyertaan aktif penyelidik MPDP, penganalisis penyelidikan MASA, serta kementerian dan agensi kerajaan berkaitan. Pada tahun ini sahaja, sebanyak lapan sesi libat urus telah berjaya diadakan bagi membentangkan ringkasan dasar hasil penyelidikan MPDP.

Sesi-sesi ini menjadi platform penting untuk membincangkan isu-isu semasa dan memperhalusi cadangan ringkasan dasar yang dihasilkan, sekaligus memperkukuh sinergi antara pihak berkepentingan dalam pembangunan dasar negara.

Hasilnya, 57 ringkasan dasar telah berjaya dihasilkan, meliputi 30 ringkasan dasar untuk Kohort-1 dan 27 ringkasan dasar untuk Kohort-2.



Sesi libat urus yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia, YBr. Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria dan dihadiri oleh penyelidik-penyelidik MPDP 1.0 iaitu YBr. Profesor Madya Dr. Laila Suriya Ahmad Apani dan YBr. Dr. Chang Jing Jing pada 12 Januari 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama JKKP, Putrajaya.



Sesi libat urus pada 15 Januari 2024 yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, YBr. Dr. Latip bin Muhammad dan turut dihadiri oleh penyelidik-penyelidik MPDP 1.0 iaitu YBr. Profesor Teoh Sian Hoon, YBr. Dr. Cheong Huey Fen, YBr. Dr. Bity Salwana bt Alias, dan YBr. Dr. Naziatul Aziah bt Mohd Radzi.



Sesi libat urus bersama wakil Bahagian Perancangan Strategik, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan penyelidik MPDP 1.0, YBrs. Profesor Dr. Teoh Sian Hoon pada 29 Januari 2024 di Bilik Mesyuarat Kasturi, MOSTI Putrajaya.



Sesi libat urus bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YBrs. Puan Ruziah Binti Shafei dan penyelidik MPDP 2.0, YBrs. Dr. Ng Boon Kwee serta pasukan penyelidik pada 2 September 2024.



Sesi libat urus yang dipengerusikan oleh Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), YBrs. Encik Fraziali Ismail dan dihadiri oleh penyelidik MPDP 2.0, YBrs. Dr. Ong Shueli Li pada 4 Oktober 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Bunga Teratai, BNM.



Sesi libat urus bersama YBrs. Dr. Mohamed Ali Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) dan penyelidik MPDP 2.0, YBrs. Prof. Brian Wong Kee Mun pada 14 Oktober 2024 di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur.



Sesi libat urus bersama YBrs. Puan Che Saliza Che Soh, Pengurus Besar Bahagian Bisnes, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan penyelidik MPDP 2.0, YBrs. Dr. Rahayati Ahmad pada 5 November 2024 di The MET Corporate Towers, Kuala Lumpur.



Sesi libat urus bersama YBrs. Puan Najdiah Ismail, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan penyelidik MPDP 2.0, YBrs. Dr. Nurul Ashykin Abd Aziz pada 7 November 2024 di pejabat KUSKOP, Putrajaya.

BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Pencapaian Program Pembangunan Dasar MASA

Penyelidik-penyelidik MPDP turut digalakkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan mereka dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi, memohon geran pendanaan serta mengadakan sesi perkongsian penyelidikan di persidangan yang diiktiraf. Usaha ini bertujuan memperluas impak penyelidikan, meningkatkan pengiktirafan akademik, serta memperkukuh sumbangan penyelidik MPDP dalam pembangunan dasar negara yang lebih inklusif dan berimpak tinggi.

Malaysian Applied Biology (2023) 52(2): 119-127
<https://doi.org/10.55238/mab.v52i2.2663>

Research Article

Ultra-Processed Food Consumption About Body Mass Index (BMI) of Public University Students in Malaysia

Girijah Ganesrau¹, Asma Ali¹, Hamid Jan Jan Mohamed¹, Ahmad Ali Zainuddin¹, Hayati Mohd Yusof¹ and Sim Why Jean²

- Department of Food Science, Faculty of Fisheries and Food Science, Universiti Malaysia Terengganu, 23020 Kuala Terengganu, Malaysia
- Malaysia and Canada Programme, School of Health Sciences, Universiti Sains Malaysia, Health Data 1010, Malaysia
- Faculty of Health Sciences, 20250 Kuala Lumpur, Malaysia
- Faculty of Health Sciences, 20250 Kuala Lumpur, Malaysia

Corresponding author: asma@umt.edu.my

ABSTRACT
The Malaysian Nutrition Research Practices for the 12th Plan (2021-2025) has identified a critical need for research into the consumption of ultra-processed foods among public university students in Malaysia. Despite the need, there is a lack of empirical research on the eating behavior of ultra-processed food and body mass index (BMI) in this population. To address this gap, this study aimed to investigate the relationship between the consumption of ultra-processed foods and BMI in public university students in Malaysia. A cross-sectional study design was employed, involving 250 respondents aged 18 years and above. Data was collected through a self-administered questionnaire, which consisted of three parts: a socio-demographic profile, a validated food frequency and 24-hr dietary recall. Food and beverage consumption was classified using the NOVA food categorization system (consisting of Group 1: Unprocessed or minimally processed foods, Group 2: Processed culinary ingredients, Group 3: Processed foods, and Group 4: Ultra-processed foods), and energy intake was calculated using the National Food Software and Food Portion Scales. Statistical analysis was performed using SPSS version 30.0. The results showed that the average daily calorie intake was 192.73 kJ (45.95 kcal), with 38% of the total intake being contributed by ultra-processed foods (group 4). The average energy intake from Group 1 and 2 was 1225.95 kJ (293.99 kcal), Group 3 was 23.52 kJ (5.63 kcal) and Group 4 was 981.27 kJ (234.71 kcal). The average BMI was 22.67 (SD: 3.01) kg/m², which falls within the normal category. The analysis revealed a significant positive correlation between ultra-processed food consumption and BMI ($r = 0.16$, $n = 250$, $p < 0.01$). This study provides valuable insights into ultra-processed food consumption patterns among Malaysian university students using the NOVA food categorization system and highlights the importance of reducing such consumption to prevent nutritionally related diseases among public university students in the country.

Key words: Body mass index (BMI), Malaysia, NOVA classification, public university students, ultra-processed food

Article History:
Received: 12 June 2022
First published online: 08 June 2023

Key Words:
Asma Ali, Girijah Ganesrau, Ahmad Ali Zainuddin, Hayati Mohd Yusof, Sim Why Jean, Malaysia, Nutrition Research Practices for the 12th Plan (2021-2025), ultra-processed foods, BMI, public university students, NOVA food categorization system, energy intake, BMI, normal category, significant positive correlation, ultra-processed food consumption, Malaysia, university students, NOVA food categorization system, importance of reducing such consumption to prevent nutritionally related diseases among public university students in the country.

Copyright:
© 2023 Malaysian Applied Biology of Fisheries and Food Science

119

Ultra-Processed Food Consumption about Body Mass Index (BMI) of Public University Students in Malaysia

Girijah Ganesrau, **Asma Ali**, Hamid Jan Jan Mohamed, Ahmad Ali Zainuddin, Hayati Mohd Yusof, and **Sim Why Jean**

Malaysian Applied Biology
Volume 52, Issue 2, 2023



INTERNATIONAL JOURNAL OF RESEARCH AND INNOVATION IN SOCIAL SCIENCE (IJRISS)
ISSN No. 2694-6416 | DOI: 10.47772/IJRISS.V8i03a011101 | March 2024

Cultivating Cohesion: Analyzing the Path to an Integrated Social Protection System. A Content Analysis.

Suhaimi A Samad¹, Hazlina Mohd Padil², Siti Sara Ibrahim³, Nurazilah Zainal⁴, Siti Hafsyah Idris⁵, Tengku Mohamad Amirulhakimi Tengku Mohd Hazrin⁶

- ¹Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UEM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban
- ²Faculty of Law, UEM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban
- ³Faculty of Business and Management, UEM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban
- ⁴Faculty of Business and Management, UEM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban
- ⁵Faculty of Law, UEM Shah Alam, Selangor
- ⁶Faculty of Administrative Science & Policy Studies, UEM Shah Alam, Selangor

*Corresponding Author
DOI: <https://doi.org/10.47772/IJRISS.V8i03a011101>
Received: 15 March 2024; Accepted: 05 March 2024; Published: 03 April 2024

ABSTRACT
Social protection systems play a significant role in promoting social inclusion and mitigating the impact of various vulnerabilities on individuals and communities, which derive from demographic changes, global economic uncertainty, and vulnerability to shocks such as global pandemics and natural disasters. The integrated social protection system is pivotal in promoting a cohesive and coordinated framework to address issues of poverty, vulnerability among persons with disabilities, the aging population, underprivileged society, unemployment, and healthcare. In line with SDG 16, "Promote peaceful and inclusive societies for sustainable development, provide access to justice for all, and build effective, accountable, and inclusive institutions at all levels", this paper intend to explore the need and emphasis on the integrated social protection system for a better social inclusion. This study employed a qualitative design by content analysis approach as a methodology to analyze the key components and mechanisms involved in highlighting the implementation and need for a more holistic database and system. Various important government documents and reports published in Malaysia on social protection have been analyzed using ATLAS.ti software. Five main themes emerged from the analysis which are: data driven, efficiency, identity, integration, and socio-economic development. It is proved that by integrating various social protection programmes and services and, most importantly, the database, this effort would be able to create a more efficient and effective approach in supporting the well-being of citizens across diverse demographic groups at both the federal and state levels. By implementing a comprehensive and coordinated approach to social protection, it advocates for the development and enhancement of integrated systems that can adapt to the evolving needs of societies, promoting sound financial governance and sustainable development for social protection institutions and nations.

Page 103

Cultivating Cohesion: Analyzing the Path to an Integrated Social Protection System. A Content Analysis

Suhaimi A Samad, Hazlina Mohd Padil, Siti Sara Ibrahim, Nurazilah Zainal, Siti Hafsyah Idris, and Tengku Mohamad Amirulhakimi Tengku Mohd Hazrin

International Journal of Research and Innovation in Social Science
Volume VIII, Issue III, Mac 2024



ORIGINAL RESEARCH ARTICLE

Caffeine Consumption, Sleep Quality and Mental Health Outcomes Among Malaysian University Students

Norhaslina Sulaiman¹, Asma Ali², Muhamad Khairul Zakaria³, Mohd Radhi Abu Shahim⁴, Sim Why Jean⁵, Abbey Malayki Mhd Jalil⁶

- University Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Malaysia
- University Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Malaysia
- Universiti Islam Sultan Abdul Aziz, Kuala Terengganu, Malaysia
- Universiti Islam Sultan Abdul Aziz, Kuala Terengganu, Malaysia
- Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Malaysia
- Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Malaysia

DOI: 10.55238/mab.v52i2.2663

ABSTRACT
Background: Accepting the security of data on caffeine consumption among university students in Malaysia, this study was designed to first characterize the habitual caffeine intake within this group. This study further investigated the potential associations between coffee consumption patterns and sleep quality and mental health status.
Methodology: The study employed an online self-administered questionnaire to assess habitual caffeine intake from various products, sleep quality and mental health using the Pittsburgh Sleep Quality Index (PSQI) and the Depression, Anxiety, and Stress Scale-21 (DASS-21), respectively.
Results: 70% of the respondents consumed caffeinated products daily within the safe level recommended by the European Food Safety Authority (EFSA/400mg/day). Only 2.6% of the students consumed caffeine exceeding the recommended limit. The median total daily caffeine intake was 310mg/day. Most students had poor sleep quality (77.3%), with 43.5%, 49.2%, and 31.8% reporting varying levels of depression, anxiety, and stress, respectively. Odds ratio calculations revealed respondents consuming less than or more than 400 mg/kg of caffeine did not show significantly different odds of poor sleep quality, depression, anxiety, or stress compared to non-consumers.
Conclusions: This study highlights the need for further localized research on caffeine's effects among Malaysian university students regarding caffeine consumption, sleep, and mental health.

Key words: Caffeine, depression, anxiety, university students, south-east Asia

ARTICLE INFO
Journal of Support: Talent and Publication Enhancement Research Grant (TAPER-EG) under the Eminent Scholars Programme (EP) 2023/24.
Conflict of Interest: None declared.
Received: 15.02.2024; **Accepted:** 14.04.2024; **Published:** 31.05.2024
Correspondence to: Asma Ali (Email: asma@umt.edu.my)

How to cite this article: Sulaiman N, Ali A, Zakaria M, Mhd Radhi AB, Why Jean S, Mhd Jalil AM. Caffeine Consumption, Sleep Quality and Mental Health Outcomes Among Malaysian University Students. *Malaysian Applied Biology* 2024; 52(2): 119-127. DOI: [10.55238/mab.v52i2.2663](https://doi.org/10.55238/mab.v52i2.2663)

Copyright: The Author retains the copyright of this article with first publication right granted to *Malaysian Applied Biology*. This is an open access journal, and articles are distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Share Alike (CC BY-SA) 4.0 License, which allows others to remix, adapt, and build upon the work non-commercially, as long as appropriate credit is given, and the user creates any new material under the license that they are applying to their work. For more information, see <http://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>

Malaysian Applied Biology | Volume 52 | Issue 02 | May 2024 | Page 103

Caffeine Consumption, Sleep Quality and Mental Health Outcomes Among Malaysian University Students

Norhaslina Sulaiman, **Asma Ali**, Muhamad Khairul Zakaria, Mohd Radhi Abu Shahim, **Sim Why Jean**, and Abbey Malayki Mhd Jalil

National Journal of Community Medicine
Volume 15, Issue 05, Mei 2024





Pendaftaran Harta Intelek

Hasil penyelidikan MPDP 2.0 bertajuk 'Franchisor Readiness Index for International Expansion (FRIFIE)' yang diketuai oleh YBrs. Dr. Nurul Ashykin Abd. Aziz dari Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Malaysia Pahang telah direkodkan dalam Daftar Hak Cipta pada 18 Mac 2024.

Felo MASA, YBrs. Dr. Khalid bin Abdul Hamid dan Penganalisis Penyelidikan MASA, YBrs. Encik Mohd Noor bin Musa turut didaftarkan sebagai Pencipta di dalam Daftar tersebut.



Anugerah / Geran Padanan

YBrs. Prof. Madya Dr. Ng Boon Kwee telah berjaya menerima geran padanan daripada *International Network for Government Science Advice (INGSA)-Asia* bagi projek MPDP 2.0 bertajuk 'Innovation from the Ground Up: Empowering Communities through Grassroots Innovation in Malaysia'.

BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat

Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat (DPM) yang mula dilaksanakan pada tahun 2023 merupakan salah satu kajian unggulan MASA. Kajian ini dijalankan untuk menambah nilai output penyelidikan kuantitatif dan seterusnya menjadikan MASA sebagai badan pemikir berwibawa dalam mempengaruhi dasar-dasar negara.

Kajian DPM juga mendukung prinsip panduan seperti berikut:



- piawai, tatacara dan etika mengenai privasi dan kerahsiaan;
- mengekalkan objektiviti dan neutraliti kajian;
- menitikberatkan pendekatan metodologi yang berasaskan kaedah saintifik;

- mengambil kira latar belakang kepelbagaian budaya dan etnik serta peka terhadap isu-isu sensitif; dan
- menyediakan data-data laporan yang mudah difahami dan jelas.



Berlatarbelakangkan situasi politik pasca PRU-15, tumpuan utama kajian adalah mengenai persepsi masyarakat terhadap dasar dan prestasi pelaksanaan kerajaan, isu hubungan etnik dan identiti Islam, keadaan semasa taraf ekonomi dan kehidupan rakyat dan penilaian prestasi parti-parti politik.

Sepanjang tahun 2024, Kajian DPM telah berjaya menyiapkan lima kajian kuantitatif yang melibatkan sebanyak 4,500 sampel di seluruh Semenanjung Malaysia.



DPM 2024/1 | Persepsi Sosio-Ekonomi dan Dinamika Politik Di Semenanjung Malaysia 2024 (April - Mei)





DPM 2024/2 | Kajian Kaji Selidik: Pilihan Raya Kecil Kuala Kubu Bharu, Selangor





DPM 2024/3 | Kajian Kaji Selidik: Persepsi Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Dinamika Politik di Nenggiri, Kelantan



DPM 2024/4 | Persepsi Pembangunan Sosio-Ekonomi dan Dinamika Politik Pasca Penamaan Calon di Nenggiri, Kelantan



DPM 2024/5 | Persepsi Sosio-Ekonomi dan Dinamika Politik Di Semenanjung Malaysia 2024 (November - Disember)



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa

BDP mengambil inisiatif untuk menjalankan Kajian Sosioekonomi Bumiputera: Analisis Semasa bagi menilai secara komprehensif status semasa Bumiputera dalam pelbagai dimensi ekonomi utama seperti pendidikan, pekerjaan, gaji, pendapatan, perniagaan serta pemilikan dan penguasaan kekayaan.

Dimensi ini juga selari dengan empat elemen utama yang telah dinyatakan di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera iaitu:

- Penyertaan dan pencapaian dalam pendidikan tinggi;
- Pekerjaan profesional dan di peringkat tinggi;
- Pembangunan perniagaan; dan
- Penciptaan kekayaan.

Sepanjang tempoh pelaksanaan DEB (1971-1990), taraf sosioekonomi rakyat Malaysia semakin baik. Namun begitu, pencapaian dalam pembangunan sosioekonomi Bumiputera berbanding etnik lain masih jauh daripada sasaran yang ditetapkan. Justeru, kajian ini bertujuan menilai semula hala tuju dasar afirmatif Bumiputera agar lebih bersifat strategik, berfokus dan bersandarkan kepada pendekatan berasaskan bukti.

Tinjauan awal mendapati wacana pembangunan Bumiputera hari ini cenderung dengan terperangkap dalam tiga kategori utama: mempertahankan agenda Bumiputera tanpa kritikal, menolak agenda Bumiputera sepenuhnya, dan menyeru kepada penyertaan kelompok miskin bukan Bumiputera dalam dasar ini.

Kajian ini turut menegaskan keperluan agenda Bumiputera yang lebih dinamik bagi membina kapasiti sebenar dalam ekosistem ekonomi negara, sejajar dengan prinsip asal DEB dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA 35).

Tempoh Kajian dan Metodologi

Kajian ini telah dilaksanakan bermula tahun 2024 meliputi pelbagai siri perbincangan dalaman dan luaran. Ia merangkumi sesi pemetaan data, penilaian dasar serta siri *Round Table Discussion* (RTD) bersama pelbagai pihak berkepentingan.

Dapatan Awal

Kajian mendapati walaupun DEB menunjukkan kemajuan dalam pengurangan kemiskinan dan penstrukturan pekerjaan, pencapaian dalam pemilikan ekuiti Bumiputera masih jauh daripada sasaran.

Malah, data menunjukkan penurunan pemilikan ekuiti oleh agensi amanah Bumiputera dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Oleh itu, satu pendekatan semula terhadap dasar sedia ada amat diperlukan bagi memperkukuh kedudukan sosioekonomi Bumiputera secara mampan dan berstruktur.

Halatuju Kajian

MASA melalui BDP beriltizam untuk meneruskan kajian ini menerusi fasa seterusnya dengan penekanan kepada analisis dasar, pembangunan cadangan intervensi, dan kolaborasi rentas sektor.

Kajian ini diharapkan menjadi rujukan utama dalam merangka hala tuju masa depan pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang lebih adil, progresif dan inklusif.



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Penulisan Ilmiah - Bab Buku

MASA komited dalam aktiviti-aktiviti penerbitan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum dalam pelbagai bidang khususnya ekonomi, sosial dan politik. Untuk tujuan tersebut, Penganalisis Penyelidikan MASA, YBrs. Encik Mohd Noor bin Musa telah menjadi penulis bersama untuk satu bab buku bertajuk '*Islamic Environmental Education: The Experience of the Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM)*'. Bab buku ini merupakan antara salah satu bab yang terdapat di dalam buku '*Contribution to Management Science*', terbitan Springer. Ia pertama kali diterbitkan secara atas talian pada 10 April 2024.



CONGRATULATIONS

PUBLICATION ON BOOK CHAPTER:

**ISLAMIC ENVIRONMENTAL EDUCATION:
THE EXPERIENCE OF THE INSTITUTE OF
ISLAMIC UNDERSTANDING MALAYSIA
(IKIM)**

PART OF THE BOOK SERIES

MOHD NOOR MUSA
Research Analyst
Institut Masa Depan Malaysia

@Institutmasa | institutmasa.com



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Penulisan Ilmiah - Laporan Semakan Berkala Sejagat

Sebagai satu usaha untuk membangunkan bidang penyelidikan dan kompetensi dalam kalangan Penganalisis Penyelidikan, MASA telah menyediakan satu laporan menerusi Laporan Semakan Berkala Sejagat Pusingan Ke-4 (UPR4) mengenai pelbagai impak dan kesan buruk Projek Penambakan Selatan Pulau Pinang terhadap hak ekonomi, sosial dan budaya (ESCR) komuniti pesisir pantai di negeri tersebut.

la merupakan salah satu keberhasilan tinjauan penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh Penganalisis Penyelidikan MASA pada 2023.

Laporan ini telah mendapat perhatian dalam Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dan dibentangkan semasa 'Human Right Council Working Group on the Universal Periodic Review: 45th Session' pada 22 Januari – 2 Februari 2024.




113. Institut MASA Depam Malaysia (MASA) was concerned about the impact of a land reclamation megaproject (the Penang South Reclamation Project) on the economic, social

and cultural rights of coastal communities in the state of Penang and the lack of public consultation in the decision-making processes.¹¹³


Di bawah Perkara 113 laporan UNHRC “Pembangunan, Alam Sekitar, Perniagaan dan Hak Asasi Manusia”, ia menekankan kebimbangan MASA tentang kesan projek mega tebus guna tanah dan kurangnya perundingan awam dalam proses membuat keputusan oleh pihak kerajaan negeri Pulau Pinang.

Penglibatan MASA sebagai antara badan pemikir di Malaysia yang mengambil bahagian dalam proses UPR ini akan dapat meningkatkan keterlihatan MASA dalam pelbagai bidang tumpuan seperti hak asasi manusia dan sosioekonomi, yang juga selaras dengan matlamat penyelidikan MASA.



BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Penulisan Ilmiah - Modul Latihan



Penganalisis Penyelidikan MASA, YBrS. Encik Mohd Noor Musa telah terpilih untuk menjadi penyelidik dan penulis bersama bagi membangunkan sebuah modul latihan kepimpinan kelestarian selaras dengan Pelan Tindakan Kesihatan Planetari Kebangsaan oleh Akademi Sains Malaysia dan MOSTI.

Modul bertajuk ‘*Transformational Sustainability Leadership Training Module (TSLM)*’ ini dirangka sebagai bahan rujukan bagi pembangunan kemahiran/kapasiti dalam kalangan pembuat dasar untuk meningkatkan kefahaman mereka berkaitan konsep kelestarian dan kesihatan planet.

Bagi menentusahkan kebolehlaksanaan modul ini secara praktikalnya, satu bengkel telah dijalankan pada 28 Februari - 1 Mac 2024 di Malaysian Allied Health Sciences Academy (MAHSA) yang turut dihadiri oleh dua orang kakitangan MASA iaitu YBrS. Encik Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan dan YBrS. Encik Mohd Noor Musa.

Objektif utama penganjuran bengkel TSLM ini adalah untuk memberikan pendedahan, pengetahuan dan kemahiran kepada peserta yang terdiri dari wakil syarikat korporat, badan bukan kerajaan, institusi penyelidikan dan pegawai kanan kerajaan berkaitan isu kesihatan planet.

Sepanjang tiga hari bengkel berlangsung, sebanyak tujuh sesi khas telah dirangka seperti berikut:

- *Module 1: Introduction to Transformational Sustainability Leadership;*
- *Module 2: The Planetary Health Imperative;*
- *Module 3: The Quadruple Helix Model & Stakeholder Engagement;*
- *Module 4: STEM & Planetary Health;*
- *Module 5: Food, Water & Energy Nexus;*
- *Module 6: Fieldwork & Practical Applications; and*
- *Module 7: Ethics, Values & Sustainability Leadership.*

BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Pembentangan

Sebagai salah satu usaha pembangunan kapasiti dan modal insan dalam aktiviti penyelidikan, MASA telah menghantar wakil bagi membuat pembentangan di persidangan nasional dan antarabangsa. Berikut merupakan senarai pembentangan oleh wakil-wakil MASA:

No.	Persidangan	Tajuk Prosiding	Pembentang	Anjuran
1.	<i>First Malaysian International Studies Association Conference (MISAC 1)</i> 14 Februari 2024; Universiti Kebangsaan Malaysia	<i>No Fish, No Money: The Impacts of Land Reclamation Project on The Coastal Community in Penang, Malaysia</i>	<u>Pembentang:</u> Dr. Khalid Abdul Hamid <u>Penulis Bersama:</u> Mohd Noor Musa, Nur Zalikhaa' Zainal Abidin & Muhammad Fadzil Anif	Malaysian International Studies Association (MyISA)
2.		<i>Gap Analysis on Biosafety Act 2007: The Way Forward</i>	<u>Pembentang:</u> Dr. Abd Hamid Abd Murad <u>Penulis Bersama:</u> Azril Mohd Amin	
3.	<i>Resilient Terengganu Dialogue 2024 (RTD2024)</i> 11 Jun 2024 Hotel Permai, Kuala Terengganu	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030: Satu Perkongsian	Azril Mohd Amin	Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

- 37** >> Pengenalan
- 38** >> PEMACU
- 62** >> Menjaring Hubungan
- 63** >> Memorandum Persefahaman
- 65** >> Kunjungan Hormat
- 67** >> Jelajah Advokasi MASA
- 71** >> MASA Dalam Media
- 94** >> MASA Dalam Media Sosial



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Pengenalan

Selaras dengan mandat untuk mempromosi WKB2030, MASA terus giat menjalankan penyelidikan dan menganjurkan program serta sesi sumbang saran bagi memacu dan memperkasa agenda pemulihan negara ke arah kemakmuran bersama, sekali gus menggalakkan percambahan dan pertukaran cadangan, maklumat serta input ke arah pembentukan dasar negara yang lebih holistik.

Bagi memastikan misi tersebut dapat dicapai, Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan (BKSP) telah diwujudkan bagi membantu penyelarasan dan kelancaran program ilmiah yang telah diatur di bawah program PEMACU.

BKSP turut membantu dalam penyelarasan program-program unggulan (*flagship*) MASA seperti MPDP dan Program Felo MASA.

BKSP juga berperanan dalam pengurusan jaringan kerjasama termasuk mengenal pasti pihak berkepentingan yang berpotensi menjadi rakan MASA, menjadi penghubung dengan pemegang taruh yang berkaitan dan merancang aktiviti yang sesuai bersama rakan-rakan MASA.

Sepanjang tahun 2024, BKSP terus memainkan peranan aktif bagi melonjakkan imej dan keberadaan MASA dalam media arus perdana dan media sosial sebagai badan pemikir bebas yang disegani dan setaraf dengan badan-badan pemikir profesional lain.

Paling ketara, program dan aktiviti anjuran MASA terus mendapat liputan media massa sementara artikel yang dihasilkan sama ada oleh penganalisis penyelidikan dan felo terus disiarkan oleh akhbar dan portal berita.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN



PEMACU

PEMACU merupakan satu kempen yang dirangka oleh MASA bagi mempromosikan WKB2030 sebagai agenda nasional. Ia mendapat sokongan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai 'pemandu' ke arah WKB2030, PEMACU berperanan untuk mengangkat semangat WKB2030 kepada kumpulan sasaran. Untuk itu, program PEMACU telah

dibahagi menjadi empat segmen berdasarkan profil sasaran.

Fokus utama PEMACU adalah untuk menyebarkan pemahaman yang jelas mengenai usaha pemerintah kepada rakyat dan pada masa yang sama, mendorong mereka untuk menjadi pemangkin dan pengaruh yang baik kepada masyarakat mereka sendiri seterusnya menjadi duta bagi WKB2030.

				
	BENGGEL / LATIHAN	SEMINAR / SYARAHAN UMUM	PERBINCANGAN TERARAH	BALAI RAKYAT
MATLAMAT	Memupuk kumpulan sasar untuk menjadi penggerak dan mempengaruhi WKB2030	Perkongsian intelektual mengenai perkembangan terkini, isu-isu semasa dan amalan terbaik di peringkat global dan tempatan	Platform untuk mendapatkan input, idea dan maklum balas daripada pakar bidang (<i>subject matter expert</i>)	Platform berdialog dua hala antara pemimpin-pemimpin negara dan orang awam
KUMPULAN SASARAN	Belia (pemimpin pelajar, belia, politik akar umbi) dan masyarakat umum	Ahli korporat, wakil industri, ahli akademik penjawat awam, mahasiswa, belia, NGO/I dan masyarakat umum	Ahli akademik, cendekiawan, pakar-pakar, pembuat dasar, dan NGO/I	Wakil industri, wakil dewan perniagaan, ahli akademik, pemimpin belia, NGO/I dan masyarakat umum





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Wacana

Future prospects for Palestine and the Rules Based Order: Consequences of Israel's War on Gaza

1 Ogos 2024

3:00 PM - 5:00 PM

Universiti Kebangsaan
Malaysia

Pada 1 Ogos 2024, MASA telah berjaya menganjurkan satu wacana bertajuk *'Future prospects for Palestine and the Rules Based Order: Consequences of Israel's war on Gaza'* bertempat di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Wacana ini telah disampaikan oleh Felo Centre for Islamic Studies, Cambridge University merangkap Sarjana di Carnegie Endowment for International Peace, YBr. Dr. Hisham A. Hellyer.

Program ini juga merupakan anjuran bersama MASA, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS-UKM), Malaysian International Studies Association (MyISA), serta Centre for Human Rights Research and Advocacy (CENTHRA).

Penganjuran wacana ini adalah selaras dengan kesedaran bahawa setiap lapisan rakyat tidak kira golongan intelektual, masyarakat awam, organisasi, agensi kerajaan, kumpulan atau individu perlu bersama-sama bertindak terhadap konflik Palestin-Israel di Gaza, mengikut kapasiti masing-masing.

Pelbagai aspek dan kesan daripada tindakan ketenteraan Israel ke atas Gaza telah dibincangkan semasa wacana berlangsung termasuk kemerosotan krisis kemanusiaan dan cabaran getir yang dihadapi oleh rakyat Palestin.



Terdapat keperluan mendesak untuk campur tangan antarabangsa dan penguatkuasaan piawaian hak asasi manusia untuk menangani konflik yang sedang berlaku dan membuka jalan untuk penyelesaian yang mampan dan adil.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Wacana

Forum Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?



23 September 2024



2:00 PM - 5:00 PM



Rumah Kelab PAUM

Pada 23 September 2024, MASA telah menganjurkan satu forum bertajuk 'Akta Hasutan: Wajarkah Dikekalkan?' bertempat di Rumah Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM), Kuala Lumpur bagi membincangkan secara ilmiah dan rasional mengenai kewajaran serta penambahbaikan kepada Akta Hasutan 1948 (Pindaan 2015) sebagai mekanisme demokrasi di Malaysia.

Forum ini telah menampilkan tiga orang ahli panel terkemuka iaitu YBhg. Datuk Mohd Zaid Ibrahim, Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YBhg. Datuk Tun Faisal Ismail bin Aziz, Ketua Penerangan BERSATU Wilayah Persekutuan, dan YBr. Tuan Zaid Abd Malek, Pengarah Lawyers for Liberty.

Manakala YBr. Tuan Mohamad Siddiq Mohd Azani dari Siddiq Azani & Co. telah bertindak sebagai moderator untuk forum ini. Forum ini juga dihadiri oleh peserta dari pelbagai latar belakang termasuk kakitangan awam, ahli akademik, wakil badan pemikir dan pertubuhan masyarakat sivil, pengamal dan pemerhati politik, serta wakil media.

Menerusi perbincangan forum tersebut, dapat disimpulkan bahawa Akta Hasutan perlu dinilai semula dengan mengambil kira tahap pengetahuan masyarakat awam berkenaan undang-undang agar ruang yang adil dan selamat dapat diberikan kepada rakyat untuk bersuara mengenai isu-isu penting secara matang.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Wacana

Webinar Belanjawan 2025: Merapatkan Jurang Sosioekonomi Untuk Masyarakat Terpinggir

23 Oktober 2024

10:00 AM - 12:00 PM

Aplikasi Zoom


'Webinar Belanjawan 2025: Merapatkan Jurang Sosioekonomi Untuk Masyarakat Terpinggir' telah diadakan pada 23 Oktober 2024 untuk membincangkan strategi dan dasar bersasar yang boleh dilaksanakan berdasarkan Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan untuk memperbaiki akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang ekonomi bagi golongan terpinggir.

Ahli Bersekutu MASA iaitu YBr. Encik Ismail Adnan merupakan moderator bagi webinar ini manakala dua pakar bidang telah dijemput bagi memberikan pandangan dan berkongsi kepakaran mereka mengenai topik yang dibincangkan.

Pakar-pakar bidang tersebut ialah YBhg. Profesor Kehormat (UNIMAS) Dato' Dr. Madeline Berma, Felo Kehormat MASA dan YBr. Dr. Lee Hwok Aun, Felo Kanan ISEAS-Yusuf Ishak Institute.

Antara topik atau isu yang telah diulas sepanjang sesi webinar berlangsung ialah:

- Belanjawan 2025 berjumlah RM 421 bilion dianggap sebagai perbelanjaan mengembang;
- Terdapat keperluan segera untuk mengenalpasti strategi menangani isu kemiskinan yang dinamik dan dipengaruhi oleh perubahan ekonomi;
- Peralihan subsidi am kepada subsidi bersasar dapat mengurangkan beban kewangan negara;
- Peruntukan khas untuk Sabah dan Sarawak meningkat namun masih terdapat isu ketidakseimbangan pembangunan dan kelewatan projek; dan
- Penekanan perlu diberikan kepada usaha merapatkan jurang ekonomi antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelek

Perbincangan Meja Bulat Agenda Bumiputera: Isu dan Cabaran



9 Februari 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 9 Februari 2024, MASA telah menganjurkan satu sesi tertutup perbincangan meja bulat bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan bagi membincangkan isu-isu dan cabaran terkini dalam pendekatan baharu agenda Bumiputera.

Antara pakar bidang dan ahli akademik yang hadir pada sesi tersebut ialah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, YBhg. Profesor Dr. Fatimah Kari, YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Marzuki Mohamad, YBrs. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, YBrs. Dr. Zulkipli Omar, YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad, dan YBrs. En. Erhanfadli Azrai.

Sesi ini telah dikendalikan oleh Ketua Bahagian Dasar & Penyelidikan (BDP) MASA, YBrs. Dr Khalid Abdul Hamid dan turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Penganalisis Penyelidikan MASA.

Perbincangan bertumpu kepada permasalahan Bumiputera yang masih ketinggalan dari segi pendapatan, pemilikan kekayaan dan taraf sosioekonomi.

Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa cabaran dan isu yang telah digariskan dan diikuti bersama cadangan-cadangan yang boleh diusahakan untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh golongan Bumiputera pada masa akan datang.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelek

Perbincangan Meja Bulat Agenda Bumiputera Ke-2: Isu dan Cabaran



23 Februari 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Susulan daripada perbincangan meja bulat bagi membincangkan permasalahan isu serta cabaran yang dihadapi oleh golongan Bumiputera di Malaysia, MASA sekali lagi telah menganjurkan satu sesi tertutup perbincangan meja bulat pada 23 Februari 2024 bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan pencapaian serta hala tuju dalam agenda Bumiputera.

Antara yang terlibat ialah YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Ab. Rashid, YBrs. Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk, YBrs. Dr. Zulkipli Omar, dan YBrs. Dr. Masoud Yahoo Javad. Seperti sesi perbincangan terdahulu, YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid selaku Ketua BDP MASA telah mempengeruskan sesi ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MASA, YBrs. Encik Azril Mohd Amin dan Penganalisis Penyelidikan MASA turut hadir dalam sesi ini.

Perbincangan meja bulat bertumpu kepada pencapaian Bumiputera berdasarkan dasar yang telah dilaksanakan dan data yang diperoleh. Dua cabaran ekonomi yang masih dihadapi oleh Bumiputera pada masa kini iaitu kemiskinan tegar dan jurang pendapatan antara kaum merupakan topik utama yang telah dibincangkan.

Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa input diperoleh yang dapat diimplimentasikan dalam hala tuju untuk mempertingkatkan status sosioekonomi Bumiputera di Malaysia.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelek

Perbincangan Meja Bulat 'Pemeriksaan Undang-Undang Syariah:
Meneroka Jalan Ke Hadapan



27 Februari 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia



Pada 27 Februari 2024, MASA telah menganjurkan satu sesi tertutup perbincangan meja bulat bersama pakar-pakar perundangan dan ilmuwan Islam bagi melestarikan kepatuhan pindaan Perlembagaan Persekutuan dengan Hukum Syarak, sekaligus melaraskan bidang kuasa di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Sesi anjuran MASA ini memberikan tumpuan kepada perbincangan terhadap kepincangan undang-undang yang perlu diperbetulkan dengan segera.

Menerusi sesi perbincangan tersebut, terdapat beberapa permasalahan yang telah digariskan dan diikuti bersama cadangan-cadangan yang boleh diusahakan untuk melestarikan dan melaraskan undang-undang di Malaysia.

Antara pakar bidang yang hadir pada sesi tersebut ialah YBhg. Dato' Mohamad Asri Abdullah, YBrs. Dr. Nurul Haq Shahrir, YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Marzuki Mohamad, YBrs. Dr. Fauziah Mohd. Noor, YBrs. Dr. Fatimah Yusro, YBrs. Encik Lukman Sherif Alias, dan YBrs. Encik Mohd Shukri Ahmad Mansor.

Sesi ini turut disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif MASA, YBrs. Encik Azril Mohd Amin bersama-sama penganalisis penyelidikan MASA.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelek

Innovation from the Ground Up: Empowering Communities through Grassroots Innovation in Malaysia



20 Jun 2024



9:00 AM - 4:00 PM



Universiti Malaya

MASA dan Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Universiti Malaya (STS UM) telah menganjurkan bengkel '*Innovation from the Ground Up: Empowering Communities through Grassroots Innovation in Malaysia*' pada 20 Jun 2024 yang bertujuan meningkatkan pemahaman tentang inovasi akar umbi dan menyediakan platform bagi inovator tempatan berkongsi pengalaman.

Bengkel ini memfokuskan penggunaan pengetahuan tempatan untuk inovasi mampan, menekankan pentingnya memberdayakan individu mengatasi cabaran tempatan secara kreatif serta meningkatkan penglibatan komuniti dan mempromosikan amalan mampan.

Berikut merupakan ahli panel jemputan untuk sesi ini:

- YBhg. Prof. Ts. Dr. Tan Wee Hoe, Pengerusi International Network for Governmental Science Advice (Asia);
- YBr. Prof. Madya Dr. Ng Boon Kwee, Ketua Jabatan STS UM;
- YBr. Puan Nur Fadzlina Mahamad Razi, Pengurus di Yayasan Inovasi Malaysia;
- YBr. Encik Irfan Awang, Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Patentworth International Sdn. Bhd.; dan
- YBr. Encik Marham Dollah Kanan, penerima Geran Program Malaysia Inovasi Sosial Akar Umbi (MaGRIs).





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelek

Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia (MASA) Bersama Pakar Ekonomi Mengenai Isu Rasionalisasi Subsidi



12 Julai 2024



2:30 PM - 5:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 12 Julai 2024, MASA telah menganjurkan satu sidang meja bulat bersama pakar-pakar ekonomi bagi membincangkan mengenai isu rasionalisasi subsidi yang semakin memberi kesan kepada pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia.

Pengerusi MASA, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin turut meluangkan masa hadir bagi mendengar sendiri pandangan dan analisis daripada pakar bidang berkaitan.

Beberapa pakar bidang dan cendekiawan dari universiti, institusi penyelidikan, badan pemikir, dan industri telah dijemput bagi menghadiri sesi ini.

Antara pakar yang hadir pada sesi tersebut ialah YBhg. Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah, YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Zakariah Abdul Rashid, YBrs. Profesor Dr. Gairuzazmi Mat Ghani, YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid, YBrs. Dr. Shankaran Nambiar, YBrs. Dr. Zulkipli Omar, YBrs. Encik Erhanfadli Mohd Azrai, dan YBrs. Encik Azlan Awang.





Sesi perbincangan turut disertai oleh ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA iaitu YB Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin dan YBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad serta Ketua Pegawai Eksekutif MASA, YBrs. Encik Azril Mohd Amin.

Sidang meja bulat anjuran MASA ini memberikan tumpuan kepada perbincangan terhadap langkah penyasaran subsidi bagi memastikan keseimbangan kenaikan harga barang dan kesejahteraan rakyat yang terkesan dapat dikecapi.



Ahli-ahli sidang meja bulat bersetuju bahawa kerajaan harus terus giat memantau dan menilai kesan-kesan sosioekonomi yang timbul bagi memastikan penyasaran subsidi dilaksanakan dengan lebih berhemat agar tidak membebankan rakyat terutamanya yang kurang berkemampuan.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

PEMACU Intelekt

Sidang Meja Bulat Institut Masa Depan Malaysia Bersama Ahli Pakar:
Cadangan Input sempena Belanjawan 2025



3 Oktober 2024



2:00 PM - 5:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia



Bersempena pengumuman Belanjawan 2025, MASA telah menganjurkan satu sesi sidang meja bulat bersama ahli pakar bagi menganalisis isu serta cabaran kos sara hidup terutama berkaitan sosioekonomi seperti yang dihasratkan untuk Belanjawan 2025.

Antara pakar bidang yang terlibat termasuk YBhg. Profesor Ulung Dato' Dr. Rajah Rasiah, YBhg. Profesor Emeritus Dr. Barjoyai Bardai, YBrs. Dr. Zouhair Rosli, YBrs. Dr. Firdausi Suffian, YBrs. Dr. Zulkipli Omar, YBrs. Dr. Linda A Lumayag, YBrs. Puan Siti Sarah Khazalle, dan YBrs. Encik Anas Jalil.



Sesi perbincangan tersebut juga disertai oleh YBrs. Encik Azril Mohd Amin selaku Ketua Pegawai Eksekutif MASA dan Penganalisis Penyelidikan Kanan MASA, YBrs. Encik Azhan Hasan. Turut hadir ialah Penganalisis-Penganalisis penyelidikan MASA.



Menerusi sidang meja bulat ini, terdapat beberapa isu dan cabaran yang telah digariskan dan diikuti bersama input yang telah diketengahkan bagi memastikan kesejahteraan rakyat terjamin semasa menghadapi ketidaktentuan ekonomi pada masa hadapan. Dalam hal ini, kerajaan harus lebih proaktif dan responsif dalam memastikan kesejahteraan rakyat terjamin semasa menghadapi ketidaktentuan ekonomi.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Key Takeaways: Impact of Geoeconomics on Strategic Equilibrium in the Indo-Pacific



26 April 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Satu sesi perkongsian mengenai dapatan daripada forum 'Impact of Geoeconomics on Strategic Equilibrium in the Indo-Pacific' telah diadakan pada 26 April 2024 dan disampaikan oleh Penganalisis Penyelidikan MASA, YBrs. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin.

Forum tersebut merupakan anjuran Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia.

Pembentangan sesi *bean bag* ini meliputi rangka kerja konsep untuk geoekonomi, membincangkan mekanisme yang melaluinya dinamik geoekonomi memberi kesan kepada persaingan geopolitik dan keseimbangan strategik di Indo-Pasifik, dan menganalisis bagaimana pertukaran antara kepentingan keselamatan dan ekonomi menimbulkan cabaran bagi serantau dan global.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Key Takeaways: Exploring the Feasibility of a China-ASEAN Common Market



10 Mei 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Satu sesi perkongsian mengenai forum 'Exploring the Feasibility of a China-ASEAN Common Market' anjuran Sunway University dan Guangzhou Institute of the Greater Bay Area serta The Belt & Road Initiative Caucus for Asia Pacific telah diadakan pada 10 Mei 2024.

Sesi ini telah disampaikan oleh Penganalisis Penyelidikan (Pelatih), YBrS. Cik Maryam Zulkafly bagi berkongsi input yang diperolehi daripada seminar tersebut.

Antara isu yang dibentangkan dalam sesi ini ialah:

- Potensi Pasaran Bersama China-ASEAN yang merupakan sebahagian daripada Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan Wawasan Komuniti ASEAN 2025;
- Kerjasama ASEAN-China dalam pelaburan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI); dan
- Perkongsian mengenai kejayaan Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP



17 Mei 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 17 Mei 2024, Eksekutif Bahagian Perkhidmatan Korporat, YBrs. Encik Muhammad Fikri Farudin telah menyampaikan satu sesi perkongsian mengenai 'Inisiatif Penstrukturan Semula Akaun KWSP' selaras dengan pengenalan Akaun 3 (Akaun Fleksibel) oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sesi ini bertujuan memberi pencerahan mengenai ekosistem terbaharu KWSP dan pengurusan Akaun 3 kepada warga MASA.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Reflection from the MEM Report - Bending Bamboo Shoots: Strengthening the Foundation Skills on Education



24 Mei 2024



10:00 AM - 12:00 PM




Institut Masa Depan
Malaysia

MASA telah mengadakan sesi perkongsian mengenai laporan *Malaysia Economic Monitor (MEM)* bertajuk '*Bending Bamboo Shoots: Strengthening Foundational Skills*' yang telah diterbitkan dan dilancarkan oleh Bank Dunia Malaysia pada April 2024.

Sesi perkongsian telah ini disampaikan oleh Penganalisis Penyelidikan MASA, YBr. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin pada 24 Mei 2024 bertempat di Institut Masa Depan Malaysia.

Sesi ini melihat kepada isu dan cabaran terhadap peratus kanak-kanak, terutamanya daripada latar belakang yang kurang bernasib baik, bergelut dengan hasil pembelajaran.

Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai sebahagian besar kanak-kanak tidak mempunyai kemahiran kesediaan sekolah sekaligus membawa kepada cabaran dalam membaca, menulis dan mengira sepanjang persekolahan mereka.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Sharing Session on First Quarter of 2024 BNM Quarterly Bulletin



14 Jun 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 14 Jun 2024, YBr. Cik Maryam Zulkafly, Penganalisis Penyelidikan (Pelatih) MASA telah membuat satu sesi perkongsian mengenai 'Buletin Suku Tahunan Suku Pertama 2024 BNM' terbitan Bank Negara Malaysia (BNM).

Antara dapatan yang dikongsikan ketika sesi ini ialah:

- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah lebih tinggi sebanyak 4.2%, dipacu oleh penggunaan swasta dan pelaburan;
- Inflasi kekal tinggi disebabkan gangguan rantaian bekalan global dan kenaikan harga komoditi;
- Kadar pengangguran kekal stabil pada 3.3% pada suku pertama 2024;
- Kadar Dasar Semalaman (OPR) tidak berubah pada 3% untuk menyokong ekonomi dan sejajar dengan unjuran inflasi serta pertumbuhan terkini; dan
- BNM menegaskan bahawa tahap OPR semasa memupuk pengembangan ekonomi yang mampan di samping kestabilan harga.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Point Tapau: Lensa Pandang Inspek Terhadap Kemiskinan Kanak- Kanak Di Malaysia



28 Jun 2024



10:00 AM - 12:00 PM




Institut Masa Depan
Malaysia

MASA telah mengadakan sesi perkongsian mengenai dapatan daripada perbincangan meja bulat 'Lensa Pandang Inspek terhadap Kemiskinan Kanak-kanak di Malaysia' anjuran Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan. Sesi ini disampaikan oleh YBrs. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin, Penganalisis Penyelidikan MASA.

Isu-isu yang dikupas semasa perbincangan meja bulat tersebut telah dikongsikan dan dibincangkan semula dalam sesi ini. Antaranya isu:

- Penambahbaikan dasar berkaitan kanak-kanak, keluarga dan komuniti dengan memberi tumpuan khas pengurusan kemiskinan kanak-kanak dengan cara merekayasa institusi keluarga, pendidikan dan sosial;
- Pertambahan program sokongan pendapatan, seperti bantuan tunai bersyarat dan tanpa syarat kepada keluarga miskin; dan
- Penambahbaikan dasar dari aspek perlindungan sosial khususnya ke atas kanak-kanak yang diabaikan secara sengaja atau tidak.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Point Refleksi IKRAM berkenaan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan Terhadap Isu Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Kalangan Dewasa di Malaysia



30 Ogos 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 30 Ogos 2024, MASA telah mengadakan sesi perkongsian mengenai dapatan daripada 'Simposium Bina Negara 2024' anjuran Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) dan Kajian Dasar IKRAM (KADRI). Sesi ini telah disampaikan oleh YBrs. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin, Penganalisis Penyelidikan MASA.

Berikut merupakan poin utama yang telah dibentangkan semasa sesi perkongsian ini:

- Isu perlindungan kanak-kanak melibatkan pelbagai cabaran termasuk pengabaian, penderaan, keganasan, dan eksploitasi; dan
- Tahap pengetahuan, sikap, dan amalan dalam kalangan dewasa perlu dinilai kerana ia memainkan peranan kritikal dalam menangani isu-isu di atas untuk memastikan tindakan yang tepat diambil bagi menjamin masa depan yang sihat dan selamat untuk kanak-kanak di Malaysia.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Diskusi Meneroka Enigma Keselamatan Digital Anak Muda



27 September 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Satu sesi perkongsian mengenai dapatan semasa program Persidangan Meja Bulat (RTD) Siri 2/2024 bertajuk 'Keselamatan Digital: Enigma Anak Muda' anjuran Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah diadakan pada 27 September 2024.

Sesi ini telah disampaikan oleh dua Eksekutif BKSP MASA iaitu YBrs. Cik Liwani Che Long dan YBrs. Encik Muhammad Fadzil Anif. Antara dapatan penting daripada sesi ini ialah:

- Terdapat keperluan untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan belia bagi menangani ancaman siber dan melindungi privasi dalam persekitaran digital; dan
- Cadangan solusi perlu diketengahkan ke pembuat dasar bagi memastikan persekitaran digital yang lebih selamat untuk generasi akan datang.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Bicara Buku '*The Art of Impactful Networking*'



18 Oktober 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

Pada 18 Oktober 2024, MASA telah menganjurkan satu sesi *bean bag* bertajuk 'Bicara Buku "*The Art of Impactful Networking*". Pada kali ini, warga MASA berpeluang berinteraksi dengan tetamu jemputan khas iaitu pengarang buku tersebut sendiri, YBr. Tuan Haji Syamsul Amri Abdul Razak.

Dalam kupasan beliau, perkara yang disentuh antaranya menumpukan kepada strategi membina hubungan profesional yang bermakna dan berkesan, serta cara mencipta impak positif dalam dunia rangkaian.

Turut dibincangkan ialah peningkatan kemahiran komunikasi dan memanfaatkan rangkaian untuk pertumbuhan peribadi dan kerjaya.

Sesi perkongsian ini merupakan platform bagi warga MASA meneroka tips dan strategi rangkaian serta peluang-peluang mengaplikasikannya dalam gerak kerja sebagai sebuah badan pemikir.

Hal ini turut disokong dengan misi bagi meningkatkan daya saing MASA di kalangan pembuat dasar melalui peluasan jaringan kerjasama dan pertukaran input yang relevan kepada penyelidikan di MASA.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Bean Bag Key Takeaways: United Nations Day Malaysia 2024



8 November 2024



10:00 AM - 12:00 PM



Institut Masa Depan
Malaysia

MASA telah mengadakan satu sesi perkongsian yang telah disampaikan oleh YBr. Cik Nur Zalikhah' Zainal Abidin, Penganalisis Penyelidikan, YBr. Cik Liwani Che Long, Eksekutif BKSP dan YBr. Encik Muhammad Haqimie Aiman, Ekesektif (Pelatih) BKSP pada 8 November 2024. Sesi ini merupakan platform bagi berkongsi pengalaman mereka semasa menghadiri acara *United Nations Day Malaysia 2024* anjuran United Nations (UN).

Penyertaan kakitangan MASA dalam program tersebut adalah selaras dengan matlamat penyelidikan dan pembangunan kapasiti warga MASA dalam isu-isu merentas sempadan.

Melalui program ini, mereka telah didedahkan mengenai matlamat pembangunan mampan serta inisiatif-inisiatif terkini dalam menangani cabaran global seperti kesihatan, pendidikan inklusif dan kemerosotan sumber semula jadi.

Peserta turut didedahkan dengan usaha kerjasama berterusan antara UN dan Malaysia dalam isu-isu penting lain seperti perlindungan sosial dan pemerkasaan wanita.

Penekanan khusus turut diberikan kepada kepentingan peranan signifikan golongan belia dalam menyokong inisiatif kelestarian dan perubahan iklim di Malaysia.





BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Sesi Bean Bag

Point Tapau - ISM Executive Talk: Kepimpinan & Pengurusan Inovasi



13 Disember 2024



10:00 AM - 12:00 PM




Institut Masa Depan
Malaysia

Penganalisis Penyelidikan MASA, YBrS. Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin dan Eksekutif (Pelatih) BKSP, YBrS. Encik Muhammad Haqimie Aiman telah mengendalikan satu sesi *bean bag* untuk berkongsi pengalaman mereka menghadiri program *ISM Executive Talk* Siri 8/2024 yang bertemakan 'Kepimpinan dan Pengurusan Inovasi'.

Penyertaan warga MASA ke program tersebut adalah untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam aspek kepimpinan dan pengurusan inovasi sebagai elemen penting dalam membentuk organisasi yang progresif dan berdaya saing.

Antara topik utama yang dikongsikan ialah:

- Kepentingan inovasi dalam kepimpinan untuk membawa perubahan positif dan mengekalkan daya saing organisasi serta memastikan keberkesanan dalam pengurusan perubahan;
- Proses dan ciri-ciri pemimpin berkualiti serta inovatif, termasuk kemahiran komunikasi yang efektif, pemikiran strategik, dan keupayaan membuat keputusan yang bijak; dan
- Strategi bagi memastikan kejayaan organisasi dalam jangka masa panjang melalui pendekatan pengurusan yang kreatif dan berfokuskan inovasi.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

MASA Retreat 2024

Dari 28 hingga 30 Julai 2024, MASA telah menganjurkan 'MASA Retreat 2024' bertempat di Lumut, Perak.

Program ini merupakan aktiviti tahunan MASA yang bertujuan memupuk silaturrahim dalam kalangan kakitangan bagi memastikan sinergi dan budaya kerja berpasukan dapat diperkukuh bagi mencapai visi, misi dan objektif MASA.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan menggabungkan elemen pembangunan sendiri dan pembinaan kumpulan (*team building*) di samping meneroka kawasan sekitar Lumut, Perak.

Antara aktiviti yang telah dijalankan termasuk sesi pencarian harta karun (*MASA Treasure Hunt 2024*) yang menguji tahap pengetahuan am serta kecerdasan fizikal warga kerja MASA.

Pelbagai aktiviti riadah berkumpulan turut dijalankan seperti perlawanan persahabatan bagi acara bola sepak dan bola tampar. Selain itu, aktiviti santai seperti kunjungan ke tempat-tempat menarik di Lumut juga dilaksanakan.

Persekitaran yang damai dan momen yang dikongsi menjadikan program *retreat* ini pengalaman yang tidak ternilai untuk seluruh warga MASA.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Menjaring Hubungan



MASA terus giat memperlebar hubungan kerjasama strategik melalui pelbagai aktiviti penyelidikan, sesi libat urus, dan sesi ramah mesra yang diadakan sepanjang tahun 2024.

Inisiatif ini merupakan usaha berterusan MASA dalam memperkukuh jaringan profesional serta memperluaskan skop kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, dan sektor industri.

Melalui pendekatan ini, MASA berupaya membina ekosistem yang kondusif bagi pertukaran ilmu, kepakaran serta sokongan dalam pelbagai bidang.

Kolaborasi antara MASA dan rakan-rakan strategik dizahirkan dalam pelbagai bentuk aktiviti seperti pemeteraian memorandum persefahaman, kunjungan hormat, sesi libat urus dan program anjuran bersama rakan strategik MASA.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN


Memorandum Persefahaman

Bagi tahun 2024, MASA telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama tiga institusi terkemuka iaitu Institut Kajian Pembangunan (Sabah) (IDS), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Majlis menandatangani MoU antara IDS dan MASA telah berlangsung pada 6 Mei 2025 di Wisma IDS, Penampang, Sabah. Pemeteraian MoU ini adalah susulan daripada kunjungan hormat MASA ke IDS pada tahun 2022, yang membolehkan kedua-dua pihak meneroka bidang-bidang penyelidikan untuk merangka input dasar dan strategi pembangunan ke arah kemakmuran bersama.

MASA turut menandatangani MoU bersama UM pada 15 Oktober 2024 untuk tempoh dua tahun. Pemeteraian MoU ini adalah untuk kedua-dua pihak meneroka peluang penyelidikan bersama dan menyumbang kepada pembangunan dasar negara berimpak tinggi. Majlis pemeteraian MoU dijangka akan diadakan pada tahun 2025 bertempat di UM.

MoU bersama UMK juga telah dimeterai pada 1 November 2024. Perjanjian MoU selama tiga tahun antara MASA dan UMK ini merupakan satu bentuk hubungan pintar dan strategik bagi menggalakkan usaha sama dalam bidang akademik dan penyelidikan.





INSTITUTE FOR DEVELOPMENT STUDIES (SABAH)



Pemeteraian MoU bersama-sama institusi pendidikan dan penyelidikan terkemuka negara akan menjadi titik tolak kepada kolaborasi komprehensif bagi memperkasa pembangunan dasar negara selaras dengan visi dan misi MASA dalam memacu WKB2030.



BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK & PENGURUSAN

Kunjungan Hormat

Sepanjang tahun 2024, MASA telah menerima kunjungan hormat daripada pelbagai individu dan tokoh berpengaruh dari institusi dalam serta luar negara. Kunjungan-kunjungan ini menunjukkan pengiktirafan terhadap peranan MASA sebagai sebuah badan pemikir yang aktif dalam merangka dasar, kajian polisi, dan strategi pembangunan negara.

Antaranya ialah kunjungan delegasi Centre for Market Education yang diketuai oleh

Ketua Pegawai Eksekutifnya, YBrs. Dr. Carmelo Ferlito.

Perbincangan yang berlangsung tertumpu kepada isu-isu penting seperti pembangunan mampan, inovasi teknologi dan kesejahteraan sosioekonomi rakyat. Para delegasi turut berkongsi pandangan serta pengalaman masing-masing, sambil meneroka peluang kolaborasi dalam projek penyelidikan dan pembangunan dasar awam Malaysia.



Selain itu, MASA turut berbesar hati menerima kunjungan hormat oleh YBhg. Dato' Abdul Majit Khan, Profesor Adjung di Institut Kajian China, Universiti Malaya merangkap Presiden Persatuan Malaysia-China Friendship Association dan Ahli Exco Majlis Perniagaan Malaysia-China.

Kunjungan ini turut disertai oleh YBr. Tuan Jaziri Alkaf Suffian, Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Perniagaan Indonesia-Malaysia (IMBC).

Perbincangan kira-kira satu jam telah berlangsung merangkumi aspek isu dan cabaran geopolitik semasa, peluang kerjasama serantau khususnya potensi dan peranan negeri-negeri di wilayah Borneo dalam merencanakan pembangunan ekonomi Malaysia dan Asia Tenggara.

Tokoh-tokoh berpengaruh lain yang turut mengadakan kunjungan hormat ke MASA termasuk YBr. Dr. Ang Swee Chai dari Medical Aid for Palestinians, United Kingdom dan YBhg. Datuk Khalid Jaafar dari Institut Kajian Dasar (IKD).



Peranan MASA sebagai badan pemikir unggul di Malaysia turut mendapat perhatian oleh institusi serantau. Kunjungan Himalaya Innovate, sebuah badan perusahaan sosial dari Thailand telah diwakili oleh Pengasas Bersamanya, Mr. Saitawut Yutthaworakool dan Mr Jazreen Jefri dari unit Penyelidikan dan Projek. Pelbagai isu serantau dibincangkan semasa kunjungan ini termasuklah isu-isu pendidikan dan pembangunan mampan.

